

06/06/1999

Jangan jadi seperti kacang lupakan kulit

KE mana pun Kiau pergi hari ini, Kiau dengar orang kata macam-macam mengenai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ada yang kata Perdana Menteri tidak disukai lagi. Ada yang kata sudah sampai masanya dia mengundurkan diri. Dan ada yang terus saja maki hamun dia.

Jarang sangat Kiau dengar orang berterima kasih kepada dia walaupun tidak sampai dua tahun lalu dia disanjung dan dipuja kerana jasanya yang begitu banyak kepada negara.

Inilah tabiat manusia. Mereka sangat cepat lupa. Lagi senang hidup mereka, lagi cepat mereka lupa. Datuk nenek kita sudah nampak semua ini. Mereka mengibaratkan manusia macam ini seperti kacang lupakan kulit.

Kiau umpamakan Dr Mahathir sebagai seorang bapa yang sibuk mencari duit untuk menampung pelbagai keperluan keluarganya yang besar - makan, pakai, rumah, sekolah anak-anak dan macam-macam lagi.

Disebabkan dia kerja kuat, dia berjaya memberi kemakmuran kepada keluarganya tapi dia tidak mempunyai masa yang banyak untuk mereka. Dia serahkan tugas menjaga keluarganya kepada orang yang dipercayainya.

Sama ada kerana dia terlalu percaya kepada orang itu atau kerana tidak sedar, orang atau beberapa orang yang diberikan kepercayaan itu tidaklah seamanah yang disangkakannya.

Apatah lagi anak-anak dan isi keluarga pula dibesarkan dalam suasana yang sangat berbeza daripada apa yang diketahuinya. Suasana di mana ahli politik yang berketayap dan serban berkata mencarut tidak bercanggah dengan Islam dan cerdik pandai pula berkata orang Melayu patut kurang ajar.

Jadi tidak hairanlah, walaupun si bapa bekerja kuat supaya anak-anak berpelajaran dan hidup senang, mereka kurang atau tidak langsung mengenang budi. Malah ada yang terang-terang kurang ajar.

Apatah lagi apabila yang bertempik teriak atas nama Allah itu pun tidak lagi tahu bersyukur. Kalau upah seratus dua untuk berceramah mereka tak pandang. Busuk-busuk pun lima enam ratus ringgit.

Tapi hari ini mereka masuk politik dan tak habis-habis menyebut nama Allah. Mereka guna peluang yang diberikan kerajaan dan media massa untuk mencipta nama kemudian belash kerajaan dan media massa yang dulu membina mereka.

Mereka kata hak mereka mendapat pendidikan tinggi, kerja bergaji besar dan hidup senang-lenang.

Si bapa pun bersalah juga fasal tidak cukup bercakap dengan anak-anak, bertanya khabar dan ambil tahu di mana anak-anak membelanjakan wang yang banyak itu.

Tetapi Kiau yakin tidak semua anak derhaka dan tidak mengenang budi. Tidak semua percaya Tuhan mencarut dan tok guru sentiasa betul. Apatah lagi apabila tok guru juga orang politik.

Tok guru dan ustaz yang kata Islam tidak larang mencarut dan cakap lucuh, tetapi tuduh media massa tidak ada adab dan akhlak macam Datuk Fadzil Noor tuduh kawan-kawan Kiau di TV3.

Tapi kalau akhbar mereka sendiri maki hamun orang lain, buat laporan palsu dan tidak mengamalkan etika dan undang-undang kewartawanan tidak mengapa.

Kiau tidak nampak perbezaan yang besar di antara orang yang tidak berterima kasih dan bersyukur dengan orang yang berkata mencarut tidak

salah sebab Tuhan pun mencarut.

Kiau tidak tahu apa akan jadi kepada anak cucu Kiau kalau ditakdirkan orang begini memerintah.

Kalau benci pun kepada Dr Mahathir, janganlah sampai mengajar rakyat meninggalkan sifat terima kasih dan syukur.

Pemimpin datang dan pergi. Kiau yakin Dr Mahathir pun tidaklah bercadang menongkat langit, tapi kita janganlah lupa sumbangan mana-mana pemimpin yang hari ini membolehkan kita hidup senang-lenang, boleh bereformasi dan melabur di merata dunia.

Bersyukur dan berterima kasihlah.

(END)